

BERITA HARIAN

DIKIT JADI BUKIT

Simpan sekurang-kurang 10 peratus pendapatan untuk kecemasan



BAJET juga boleh membantu anda memupuk tabiat menabung. Tanpa pelan tabungan yang teratur, adalah sukar untuk mencapai matlamat kewangan anda seperti membeli rumah atau kereta, melanjutkan pelajaran atau membina dana persaraan.

Adalah dicadangkan anda menabung sekurang-kurangnya 10 peratus daripada pendapatan bulanan anda. Malah, lebih baik jika anda boleh meningkatkan tabungan kepada 15 peratus hingga 20 peratus kerana anda akan mempunyai lebih banyak wang untuk masa depan.

Disertakan juga beberapa panduan untuk memupuk tabiat menabung yang sesuai diikuti oleh semua lapisan umur.



- 1 Menabung sebelum berbelanja
 - Menabung sekurang-kurangnya 10 peratus daripada pendapatan anda.
 - Menabung secara automatik dengan menggunakan skim potongan gaji, auto debit atau cara lain sepertinya.

2 Dorong diri anda dengan menetapkan

matlamat kewangan

- Tetapkan matlamat yang bermakna dan penting untuk menggalakkan diri anda menabung. Anda juga boleh menetapkan matlamat jangka pendek, sederhana dan panjang.

3 Jadikan tabiat menabung suatu cabaran

- Selepas menabung 10 peratus daripada pendapatan anda, cabar diri anda untuk meningkatkan jumlah tabungan secara beransur-ansur.

4 Simpan sebahagian 'durian runtuh'

- Setiap kali anda menerima wang seperti bonus atau hadiah wang tunai, masukkan sebahagian wang itu ke dalam akaun simpanan anda.
- Jika anda menerima kenaikan gaji, tingkatkan jumlah tabungan bulanan anda.

Menabung untuk kecemasan kewangan

DALAM kehidupan seharian, kadangkala kejadian tidak diduga atau kecemasan boleh menyebabkan anda hilang keupayaan untuk mencari pendapatan.

Malah, ada kalanya anda mungkin memerlukan jumlah wang yang banyak dalam

masa yang singkat untuk menangani masalah itu.

Lazimnya, tabungan kecemasan digunakan untuk menampung perbelanjaan sekiranya anda kehilangan pekerjaan atau mengalami masalah kesihatan serius dengan tiba-tiba ataupun akibat kos membaiki kerosakan rumah atau kereta.

Jika anda atau pasangan kehilangan pekerjaan, semua bil masih perlu dibayar. Dalam keadaan begini, adalah penting bagi anda mempunyai tabungan untuk menanganinya. Sebagai panduan, anda perlu mempunyai simpanan yang boleh menampung perbelanjaan asas anda selama tiga hingga enam bulan.

Keadaan akan bertambah buruk jika anda perlu meminjam untuk mengatasi masalah yang timbul itu. Selain menabung untuk tujuan kecemasan, bajet juga boleh membantu anda menabung untuk pembelian atau perkhidmatan yang bernilai besar sambil meningkatkan nilai harta bersih anda.

Menambah nilai harta bersih

PENYATA nilai harta bersih adalah kad skor kewangan anda yang lazimnya boleh

digunakan untuk menilai kedudukan kewangan anda.

Ini boleh menjadi titik rujuk semasa membuat sebarang keputusan membabitkan kewangan dan melaporkan harta yang anda miliki (aset) dan tanggungan hutang (liabiliti) hartanah, amanah saham dan saham syarikat. Manakala liabiliti pula merangkumi semua jenis pinjaman - sama ada hutang bank (termasuk hutang kad kredit), hutang keluarga atau kawan dan pembayaran sewa rumah serta bil utiliti.

Nilai harta bersih anda boleh ditingkatkan dengan menjejak perbelanjaan melalui penggunaan bajet. Bajet boleh membantu mengawal perbelanjaan anda.

Justeru, ia membolehkan anda melabur dan meningkatkan nilai harta bersih anda. Jadi, kunci untuk meningkatkan nilai harta bersih ialah dengan mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan tabungan.

INFO

Cara mengira nilai harta bersih anda

Langkah 1 - Senaraikan barangan bernilai yang anda miliki

- Wang tunai dan yang seumpamanya seperti akaun simpanan tetap dan deposit tetap.
- Pelaburan seperti saham, bon dan dana amanah saham.
- Dana persaraan seperti KWSP dan akaun persaraan peribadi.
- Hartanah seperti rumah, pangsapuri dan tanah.
- Kepunyaan peribadi yang boleh dijual seperti barangan kemas, jongkong emas, hasil seni dan barangan antik.

Langkah 2 - Jumlahkan aset anda

Langkah 3 - Senaraikan hutang anda dengan orang lain.

- Pinjaman termasuk pinjaman pendidikan, pinjaman bank dan pinjaman lain.
- Baki kad kredit
- Cukai perlu dibayar seperti cukai hartanah dan cukai pendapatan.
- Hutang kepada saudara-mara, kawan dan orang lain.
- Baki bayaran ansuran bagi barangan pengguna seperti perabot dan televisyen.

Langkah 4 - Jumlahkan liabiliti anda.

Langkah 5 - Aset tolak liabiliti.

- Sekiranya jawapan adalah positif, tahniah! Anda harus merancang cara menambatkan nilai harta bersih anda. Jika jawapannya negatif, jangan kecewa kerana anda masih boleh mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan anda.

Dipetik dari buku terbitan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Power - Pengurusan Wang Ringgit Anda.

ANDA menghadapi masalah kewangan dan ingin mendapatkan nasihat AKPK melalui kolom Bajet Bijak? Sila hantar kemusykilan anda melalui e-mel ke alamat bminggu@bharian.com.my untuk diteliti dan dianalisa kaunselor AKPK. Ulasan AKPK serta soalan anda akan disiarkan di kolom Bajet Bijak.

